

07/09/2003

Artis, personaliti meriahkan pelancaran KL Monorel

ZUBIR tabik `spring' kepada Bintang Paling Popular 2002, Rosyam Nor dan personaliti terkenal TV3, Nurfarahin Jamsari serta Nizal Mohamad kerana sudi melapangkan masa menghadiri Majlis Pelancaran Rasmi KL Monorel di stesen Bukit Bintang, Kuala Lumpur, 31 Ogos lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Zubir difahamkan, Rosyam sanggup tidak menghadiri majlis perkahwinan pada petang itu semata-mata untuk bersama Perdana Menteri menjadi kumpulan pertama yang menjejakkan kaki di atas mobiliti terbaru rekaan tempatan.

Dia juga bersedia berasak-asak bersama orang ramai yang tidak mahu melepaskan peluang menaiki KL Monorel, selain mendekatinya secara peribadi. Begitu juga dengan Nurfarahin dan Nizal, sekalipun diundang sehari sebelum majlis pelancaran, mereka tetap terpacak di khemah VVIP sedangkan Zubir sendiri sedang terkial-kial mencari parking!

Bagi Zubir, sikap yang ditunjukkan Rosyam, Nurfarahin dan Nizal wajar menjadi ikutan selebriti lain. Lazimnya artis mahupun personaliti bernama besar ni susah nak tunjuk muka di tempat awam macam tu.